

# BERITA Rumah Kita

PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

"Rumah Ku, Syurga Ku"

Diterima dan direkodkan  
pada 21/12/2000



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
(Perpustakaan Kuala Lumpur-Ibu Bait)

BIL: 6/2000

\*ISSN 012-5912\*

NASKAH PERCUMA

\* DISEMBER 2000

## Tindakan Masyarakat Bahagia Dihargai

Wan Abdullah Ghani



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff



Kelompok Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff (baju putih) disambut dengan bunga manggar dan paluan kompang.

Sebagai mengenang jasanya membantu dan mengatur aktiviti sosial di Perumahan Awam di kawasan San Peng yang meliputi Sri Sarawak, Sri Selangor, Loke Yew dan Jalan Hang Tuah, DBKL telah mengatur satu majlis Penghargaan Kepada Tindakan Masyarakat Bahagia (TMB) di Kompleks Perniagaan Sri Selangor baru-baru ini.

Para hadirin dihiburkan dengan artis jemputan, Rozita Izlynn dengan lagu Dunia Kita Berbeza, Sireh Pinang, Panggilan Cinta dan Berbalam Cintaku. Kumpulan Penari DBKL mempersembahkan empat tarian, iaitu Cinta Sayang, Joget 106, Wau Bulan dan Endang. Turut serta persembahkan kebudayaan Kumpulan Sutera Gemilang dari Sri Selangor dengan tarian Melayu, Cina dan India dan Kumpulan Suara Azam Sri Sarawak dengan lagu Nasihat Ibu dan Ya Salam.

Majlis yang dihadiri kira-kira 500 jemputan itu dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.

Tindakan Masyarakat Bahagia (TMB) yang disokong oleh Persatuan Penduduk di kawasan Perumahan Awam DBKL kawasan San Peng dan Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Sosial, Jabatan Pengurusan Perumahan telah memberikan penumpuan khusus kepada kawasan Perumahan Awam San Peng ini dengan menjalankan program dan aktiviti bagi menerapkan nilai-nilai murni di kalangan penghuni berbagai kaum dan mengatasi masalah jenayah dan unsur-unsur kegiatan negatif seperti penagihan dadah dan lain-lain.

Tindakan Masyarakat Bahagia (TMB) terdiri daripada "Sathya Sai Central Council

Of Malaysia" dan "The Friendship Group For Human Values and A Caring Society". Tindakan Masyarakat Bahagia adalah sebagai badan sukarela bukan kerajaan yang telah ditubuhkan khusus bagi kawasan San Peng pada bulan Mei 1997. TMB menjalankan programnya khusus di kawasan San Peng iaitu di Zon 2. Program TMB telah disokong dan mendapat kerjasama dari Jabatan Pengurusan Perumahan, Persatuan Penduduk Perumahan DBKL kawasan San Peng serta 'Social Action Initiative Foundation'.

Antara objektif TMB untuk menerapkan nilai-nilai murni di kalangan remaja, mewujudkan satu masyarakat yang mempunyai semangat kejiwaan yang tinggi. Di samping itu mewujudkan perhubungan yang baik di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama, menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat di kalangan para remaja.

Dalam tempoh 2 1/2 tahun TMB telah berjaya melaksanakan program sosial di kawasan Perumahan Awam San Peng dan telah dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni khususnya para remaja mengamalkan kehidupan dengan nilai-nilai yang murni.

Sebagai Projek Perintis, TMB telah melaksanakan program ini selama 2



Datuk Jegadeesan menerima cederamata daripada Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff



Puan Halijah Othman menerima cederamata daripada Datuk Jegadeesan

Bersambung ke m.s. 8

# PPR TAMAN MULIA MULA DIDUDUKI

Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah projek perumahan di bawah dana RM 600 juta yang telah diperkenalkan pada 29 Oktober 1993. Tujuannya untuk disewakan kepada golongan berpendapatan rendah yang terdiri daripada penduduk-penduduk setinggan atau seumpamanya di kawasan-kawasan Bandar mendesak iaitu di Lembah Klang (Selangor dan Wilayah Persekutuan), Johor, Perak dan Pulau Pinang. Dana ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dengan kadar sumbangan RM 150 juta, Bank Negara RM 150 juta dan pihak swasta sebanyak RM 300 juta.

Memandangkan kawasan Lembah Klang merupakan salah satu daripada kawasan yang agak mendesak khususnya dari segi masalah setinggan, kerajaan telah memperuntukkan RM 229.04 juta untuk membina tujuh buah projek yang mengandungi 5,297 unit rumah kediaman. Daripada tujuh projek yang telah dilaksanakan tersebut, PPR Taman Mulia telah pun siap dan mula diduduki sejak 1 November 2000 dengan penempatan hampir 400 keluarga.

PPR Taman Mulia adalah salah satu daripada tujuh buah projek yang telah diluluskan bagi Wilayah Persekutuan. Projek ini terdiri daripada dua blok 21 tingkat dengan 912 unit rumah kediaman untuk disewa. Luas

setiap unit kediaman adalah 552 kaki persegi dan mempunyai dua bilik tidur dan satu utiliti. Keseluruhan projek ini telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas termasuk rumah-rumah kedai, dewan serbaguna, surau, perpustakaan, pejabat kecil perumahan, tadika, bilik bacaan, telefon awam dan juga taman permainan kanak-kanak.

Projek PPR Taman Mulia telah mula dibina pada tahun 1996 dan siap pertengahan tahun 2000. Para penghuni mula menyewa di unit-unit kediaman tersebut pada 1 November 2000 dengan kadar sewa RM 124 sebulan untuk tempoh selama lima tahun. Melalui projek ini, kerajaan berharap kesukaran mendapatkan rumah yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah dapat dikurangkan.

Antara lain penghuni perumahan awam ini menempatkan setinggan Kg Mengkudu, Salak South, Kg Sam Yoke, Kg Sri Malaysia, Kg Raya Permai yang terlibat dengan Projek M10, Kg Sungai Bonus/air Jernih dan mangsa kebakaran setinggan Kampung Sentosa. Ia juga turut menempatkan orang awam yang membuat permohonan dan pendaftaran biasa di Jabatan Pengurusan Perumahan.

Walaupun projek perumahan ini tidak dapat menyelesaikan masalah setinggan secara sekaligus tetapi dengan tempoh sewaan selama

peluang kepada penyewa untuk berusaha memiliki rumah sendiri.

Di samping itu, dalam masa yang sama ia dapat memberi ruang kepada kerajaan untuk mencari mekanisme yang berkesan bagi membantu rakyat berpendapatan rendah dan setinggan-setinggan memiliki rumah. Oleh yang demikian, projek ini dijadikan sebagai model dan projek perintis kerajaan ke arah mewujudkan unit-unit kediaman yang selesai pada masa akan datang.

Sempena dengan kemasukan penghuni baru itu satu majlis Taklimat Kehidupan Murni telah diadakan di Dewan Orang Ramai PPR Taman Mulia, Cheras baru-baru ini. Kira-kira 400 orang penghuni baru telah menghadiri majlis itu.

Majlis dimulakan dengan ucapan pengenalan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan Tuan Haji Salleh Yusup. Taklimat juga turut disampaikan oleh wakil-wakil daripada Balai Polis Sungai Besi, Balai Bomba Bandar Tun Razak dan Tenaga Nasional Bhd. Penolong Pengarah di Bahagian Penguatkuasaan, Encik Othman Johari menjelaskan perkara yang berkaitan dengan surat perjanjian antara penghuni dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Encik Mokhtar Harun yang mewakili Jurutera Mekanikal, Bahagian Penyelenggaraan lebih banyak menyentuh panduan menggunakan lif.

Taklimat tersebut berjaya memberi pendidikan serta panduan kepada penyewa-penyewa akan tatacara kehidupan di Perumahan Awam DBKL yang merangkumi syarat-syarat perjanjian penyewaan, sosial, kesihatan dan tindakan penguatkuasaan.



Projek Perumahan Rakyat, Taman Mulia, Jalan Budiman, Bandar Tun Razak mula diduduki sejak 1 November 2000.



Tuan Hj. Salleh Yusup (No. 3 dari kiri) bersama penceramah-penceramah Taklimat Kehidupan Murni.



Para penyewa baru sedang mendengar Taklimat Kehidupan Murni.

## DARI MEJA PENGARAH



**TUAN HAJI SALLEH YUSUP**  
Pengarah  
Jabatan Pengurusan Perumahan

### Menghadapi Cabaran Perumahan Awam Yang Berkualiti

Cabaran yang mendatang yang akan dihadapi oleh Jabatan Pengurusan Perumahan khasnya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur amnya ialah tentang bagaimana untuk menjadikan semua kawasan perumahan awam mencapai tahap kebersihan dan persekitaran yang berkualiti. Kejayaan kita mencapai matlamat untuk menjadikan kawasan perumahan awam kita sebagai sebuah kawasan yang bersih dan persekitaran yang berkualiti adalah sejajar dengan wawasan untuk menjadikan Kuala Lumpur Sebagai Sebuah Bandaraya Bertaraf Dunia Untuk Semua.

Oleh yang demikian apa yang menjadi persoalan tentang setakat mana warga rumah kita dapat bekerjasama dengan pihak pentadbiran Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL untuk memastikan tahap kebersihan dan mutu persekitaran kawasan rumah kita perlu diubah dan diperbaharui tekak untuk menjamin kehidupan yang lebih murni di kawasan perumahan kita dapat ditingkatkan. Kita harus menyedari bahawa kita adalah golongan yang bernasib baik kerana mendapat tempat berlindung yang selesa dengan kadar sewaan yang jauh lebih murah dari sewa pasaran serta dikawal rapi oleh pihak pentadbiran DBKL. Kita harus bersyukur kerana lebih ramai warga kota lain yang terpaksa menunggu lebih lama untuk mendapat peluang menduduki Rumah Awam DBKL.

Walaupun begitu kita masih melihat sesetengahnya kawasan perumahan awam tahap vandalisma masih tinggi di mana kerosakan kemudahan seperti lif, peti surat, dinding, alat permainan kanak-kanak, pokok hiasan, tong sampah dan

lain-lain kemudahan masih berterusan. Kita masih menerima laporan tentang objek dan sampah sarap yang dibuang dari tingkat atas. Kita terus menerima laporan mengenai penyalahgunaan ruang yang diberikan samada unit rumah yang dihuni oleh penyewa tanpa izin, tidak menetap, masalah pergaduhan antara jiran tetangga, masalah penggunaan dadah dan masalah remaja yang lain. Dalam keadaan demikian bagaimana kita harus mencapai taraf kehidupan berkualiti sekiranya sikap dan perbuatan sesetengah warga rumah kita masih kurang prihatin terhadap kepentingan menjaga secara bersama harta awam di kawasan rumah kita bagi membina kehidupan diri dan keluarga yang sejahtera.

Oleh yang demikian tiada cara lain lagi untuk menjadikan kawasan persekitaran yang bersih, kemas, indah dan selamat melainkan tindakan yang bersepadu antara penghuni dan pihak pentadbiran perlu ditingkatkan. Perbelanjaan yang besar yang disediakan akan menjadi lebih bermakna lagi jika semua penduduk menjaga harta benda, sayangkan tempat tinggal, tidak membuang sampah merata-rata, menjaga kebersihan, ditegur, bekerjasama dan bertolak ansur dengan semua pihak, menjaga tetangga berjiran dan saling hormat menghormati antara satu dengan lain, tidak mengutamakan diri sendiri, masrakat dan bukan menyendiri diri.

Akhirnya di samping kepentingan mengurus dan menyelenggarakan rumah yang sedia agenda yang lebih penting untuk mencabar ialah bagaimana DBKL dapat menempatkan golongan berpendapatan rendah dan miskin memiliki rumah sendiri atau mendapat tempat berlindung yang sah di kota yang pesat membangun ini. Sementara pihak kerajaan berusaha untuk menghapuskan penempatan setinggan menjelang Tahun 2005 melalui pembinaan Perumahan Rakyat Bersepadu. Tanggungjawab Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL akan terus mencabar untuk menjaga kebajikan penghuni-penghuninya. Program Pembangunan dan Kemajuan Masyarakat akan terus dipergiatkan seperti Program Nadi yang meliputi pendidikan pra-sekolah, kelas bimbingan, kelas komputer dan kegiatan belia dan remaja. Aktiviti-aktiviti bersama Persatuan Penduduk akan terus diperhebatkan seperti kegiatan kebudayaan dan kesenian, pendidikan, kesedaran kesihatan, program keagamaan kejiaran dan sebagainya. Sempena Perayaan Menyambut Hari Raya Aidil-fitri dan Sambutan Tahun Baru Tahun 2001, seluruh pegawai dan kakitangan Jabatan Pengurusan Perumahan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil-fitri dan Maaf Zahir Batin.

## Tahniah

Syabas dan tahniah kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pengurusan Perumahan yang berjaya dipilih menerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada 16 November 2000.

1. En. Jeyapalan a/l K. Selvadurai, Jurutera Awam.
2. En. Mazlan Mohamad, Pen. Peg. Tadbir Kanan.
3. En. Mohd Idris Saberan, Pem. Tadbir Kanan.
4. Pn. Zaleha Sulaiman, Pem. Tadbir Kanan.
5. En. Saiful Baharin Sulaiman, Juruteknik Elektrik.
6. En. Mahadi Muhamad, Pem. Tadbir.
7. En. Ab. Hamid Abdul Rashid, Pem. Tadbir.
8. En. Ab Wahab Omar, Pem. Tadbir.
9. Pn. Normah Jais, Pem. Tadbir.
10. En. Rosli Buyung, Pem. Tadbir.
11. En. Md Isa Ismail, Pem. Tadbir.
12. Pn. Sumeah Osman, Pem. Tadbir.
13. En. Ab Rahman Bunchit, Pem. Tadbir.
14. En. Ramasamy a/l Ponniah, Tukang K2.
15. En. Abd Rani Abd Majid, Tukang K2.
16. En. Salim Awang Besar, Tukang K2.
17. En. Rosli Mohd Isa, Tukang K2.
18. En. Mohd Yasin Hj Fathu Rahman, Tukang Kayu.
19. En. Santhyaku a/l Savirimuthu, Pemandu.

## BERITA RUMAH KITA

### Penasihat

Haji Salleh bin Yusup

### Ketua Editor

Ramly bin Othman

### Editor

Zainuddin bin Md. Zain

### Sub Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

### Wartawan

Ab Wahab bin Omar

### Jurufoto

Ab Wahab bin Omar

Dolmat Md. Som

### Pengedar

Mohd Rushdan bin Mohd Ishak

Tulisan yang tersiar dalam majalah

### BERITA RUMAH KITA

tidak semestinya menggambarkan fikiran

Jabatan Pengurusan Perumahan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Alamatkan surat menyurat kepada:

### Editor

BERITA RUMAH KITA

Jabatan Pengurusan Perumahan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,

Peti Surat 11022,

50100 Kuala Lumpur

atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI

Tel. No. 03-26938166 samb. 282

### Nombor Telefon DBKL

|                     |               |
|---------------------|---------------|
| Ibu Pejabat DBKL    | - 26916011    |
| Aduan Awam DBKL     | - 26934531    |
| Hot Line (24 jam)   | - 26911686    |
| Perumahan           | 26912112      |
| Bhg. Penguatkuasaan | - 26938166    |
| Perumahan           | samb. 125/126 |
| Pej. Zon 1          | - 9734513     |
| Pej. Zon 2          | - 92215505    |
| Pej. Zon 3          | - 40420340    |
| Pej. Zon 4          | - 61899563    |

### Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,  
Kuala Lumpur